




SEMINAR KEBANGSAAN

ADAT PEPATIH &
WILAYAH BUDAYA
NEGERI SEMBILAN



3 - 5 • MEI • 1984

DI UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA
SERDANG, SELANGOR.

ADAT PEPATIH MENCABAR ZAMAN : Suatu

Ulasan Seimbis Pandang

(SHAMSUL AMRI BAHARUDDIN)



Anjuran Bersama:

Universiti Pertanian Malaysia,
Kerajaan Negeri Sembilan, dan
Kementerian Kebudayaan, Belia
dan Sukan, Malaysia.

ADAT PERPATIH MENCABAR ZAMAN:

Suatu Ulasan Seimbias Pandang*

oleh

Shamsul Amri Baharuddin**
Universiti Kebangsaan Malaysia

Perbadanan Perpustakaan Awam
Negeri Sembilan.

Dalam tempuh sekurun lalu berbagai bentuk penelitian mengenai pelbagai aspek Adat Perpatih [AP] telah dilaksanakan. Sayangnya setakat ini masih belum ada satu senarai bibliografi lengkap disusun secara serius dan sistematis oleh mana-mana pihak. Maka kebanyakan bahan berkenaan masih berselerak dan perlu dikumpul di suatu tempat pusat kalau kita benar-benar serius ingin mengasaskan suatu bidang pengajian mengenai AP dan, yang lebih penting, untuk pengetahuan generasi masa depan.

Berdasarkan bahan yang bertaburan di sana sini yang mampu dikumpul didapati kebanyakannya membincangkan AP daripada aspek-aspek yang berikut: a) hubungan agama dengan adat; b) falsafah dan amalan adat secara umum dan khusus dalam sesuatu komuniti; c) struktur sistem kekeluargaan matrilineal [nisab ibu] yang mendasarkan AP; d) hukum adat dan harta; e) kedudukan wanita dalam adat; f) fenomena merantau dan migrasi di kalangan pengamal adat; g) ekonomi pengamal AP; h) kepimpinan dalam AP; i) metos dan perbilangan dalam AP; j) perbandingan antara AP dengan Adat Temenggong.

Dalam kebanyakan analisis mengenai tajuk-tajuk berkenaan dapat dikesan suatu tema dominan yang tersirat di dalamnya, yakni perbincangan mengenai perubahan yang dialami oleh AP serta ketahanannya sebagai suatu tradisi. Dikatakan riak dan gelombang permodenan merupakan bentuk cabaran utama yang dihadapi oleh AP, terutamanya selepas kolonialisme bertapak di Semenanjung Tanah Melayu hinggalah ke era Dasar Ekonomi Baru ini.

Ada beberapa reaksi terhadap persoalan ini. Setengah pihak merasakan semacam satu kegundahan tentang kemungkinan pupusnya AP suatu hari nanti akibat cabaran tersebut. Kerisauan ini berdasarkan hujah bahawa kemajuan kebendaan dan pengaruhnya yang sudah menular ke semua lapisan masyarakat yang mengamalkan AP telah dan sedang membunuh AP perlahan-lahan; seolah-olah sudah dihinggapai sejenis barah sosial. Contoh empiri yang sering diberikan untuk menyokong kecenderungan ini ialah tentang kurangnya atau tidak tahunya generasi muda sekarang mengenai AP, sampaikan tak kenal dalam suku mana mereka tergolong.

© Hakcipta terpelihara, Shamsul Amri Baharuddin, 1984.
Tidak benar diterbitkan kecuali dengan kebenaran penulis.

* Kertaskerja untuk SEMINAR KEBANGSAAN ADAT PERPATIH DAN WILAYAH BUDAYA NEGERI SEMBILAN, 3-5 Mei, 1984, di UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA, SERDANG.

** Penulis kini bertugas di Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

Di satu pihak yang lain terdapat pula mereka yang lebih optimis terhadap masa depan AP sebagai suatu tradisi. Pada hemat golongan ini AP mempunyai ciri-ciri dalaman yang unik lagi sarwajagat untuk menampung sebarang cabaran, besar dan kecil. Lalu disarankan bahawa AP mungkin telah dan sedang diubahsuai dalam segi amalan namun falsafah yang mendukungnya tetap utuh tanpa terjejas.

Kedua-dua pandangan di atas - satu pesimis dan satu lagi optimis tentang masa depan AP - disuarakan bukan saja oleh golongan akademik bahkan juga oleh golongan pimpinan adat sendiri serta beberapa pihak yang lain. Sekali imbas kedua-dua pandangan ini bertentangan kedudukannya. Tetapi kalau kita teliti dengan cermat dan mendalam didapati tiada percanggahan antara kedua-dua pandangan tersebut kerana yang satu menekankan aspek amalan AP [yang pesimis] dan yang satu lagi mementingkan aspek falsafahnya [yang optimis]. Antara kedua-dua aspek berkenaan senantiasa wujud hubungan bercorak dialektis, seperti dalam sebarang tradisi lain di dunia, yakni perbezaan serta pertentangan antara teori dan praktis, idea dan amalan. Proses dialektis ini pula digerakkan oleh suatu suasana alamiah wujudulu - oleh sejarah khusus setempat yang pula dinadi serta dicorakkan oleh pencapaian dan kemajuan kebendaan manusia. Ringkasnya sesuatu tradisi dan proses dialektis yang menghayatinya tidak berlaku dalam keadaan hampawa sosial. Logiknya apabila suasana alamiah itu berubah maka tradisi yang berakar umbi di dalamnya pun akan turut berubah. Misalnya, tradisi feudal di Semenanjung Tanah Melayu berubah dari segi fungsi, prinsip dan amalannya setelah kolonialisme terasas dan selepas Merdeka.

Kertaskerja ini akan cuba menganalisa, semestinya sepintas lalu, akan kedudukan AP dalam dua era sejarah tanahair: era pra-kolonial dan era kolonial. Dengan meneliti secara umum ekonomi politik dalam setiap era tersebut diharapkan dapat dijelaskan perubahan-perubahan yang telah dialami oleh AP akibat daripadanya. Oleh yang demikian apa yang bakal digariskan berikutnya adalah bercorak makro lagi umum. Semestinya percubaan ini mengandungi banyak kelemahan dan tidaklah memeranjatkan kalau ada pihak yang menganggapnya terlalu ringkas dan dangkal. Namun diharapkan ini akan membuka perdebatan baru ke arah memahami kontradiksi dalam AP berdasarkan rangka perspektif konseptual yang agak berbeda daripada apa yang pernah disogokkan oleh golongan *structural-functional*, satu-satunya golongan yang mendominasi pengajian mengenai AP untuk hampir sekurun.

ERA PRA-KOLONIAL

Oleh kerana AP berasal daripada Minangkabau dan diasaskan di Negeri Sembilan [NS] sebelum kurun ke 17, ada baiknya kita tinjau, biarpun seimbis pandang, keadaan ekonomi dan organisasi sosial di wilayah berkenaan dalam zaman tersebut, yakni sebelum kedatangan pedagang Eropah, khususnya, Belanda.

Beberapa sejarawan berpendapat bahawa kerajaan Minangkabau yang dikatakan berkuasa di seluruh Sumatra Barat, juga masyarakat Minang itu sendiri, telah mencapai mercu kegemilangannya di kurun ke 14 masehi, setelah jatuhnya empayar Srivijaya. Ketika itu dikatakan wujud satu sistem *dual descent* di wilayah berkenaan dalam mana kekuasaan perdagangan dan kekuasaan raja diasaskan kepada sistem patrilineal [nisab bapa], sedangkan kekuasaan tempatan dan pengawalan pengagihan tanah pada paras berkenaan didasarkan kepada sistem matrilineal [nisab ibu].

tetapi pada awal kurun ke 16 masehi kuasa raja dalam pemerintahan dan dari segi perdagangan telah kian menurun akibat cabaran dalaman juga dari luar. Dari dalam, pembesar tempatan dan pedagang tempatan telah mula mula mencabar kewibawaan raja dengan perlahan-lahan mengambil alih kuasa dalam bidang perdagangan. Kedua-dua golongan berkenaan telah bergerak secara otonomi lalu berhubung langsung dengan saudagar-saudagar daripada China, Arab dan India tanpa melalui serta direstui raja lagi. Ini mereka lakukan sama ada di Minangkabau sendiri ataupun di luar Minangkabau. Dari luar, orang Aceh telah mula mengembangkan pengaruhnya, khususnya dari segi ekonomi di pantai barat Sumatra tanpa perlu merujuk kepada raja di Minangkabau lagi, seperti sebelumnya.

Maka apabila saudagar Eropah sampai ke Sumatra Barat pada awal kurun ke 17, mereka dapati keturunan diraja Minangkabau sudah tidak berkuasa lagi. Komuniti tempatan sudah menikmati sepenuhnya kebebasan untuk menjalankan pemerintahan sendiri dan melibatkan diri dalam perdagangan serta pertanian tanpa perlu akur lagi kepada tuntutan raja. Politik tempatan diterajukan oleh golongan aristokrat kecil atau *petty aristocrats*. Ekonominya pula sama-sama dikuasai oleh pedagang dan petani tempatan, termasuk daripada keluarga aristokrat kecil tadi. Dalam konteks inilah sistem matrilineal muncul sebagai prinsip organisasi sosial yang dominan dalam alam Minangkabau. Sistem patrilineal kurang pentingnya dengan jatuhnya golongan raja.

Fenomena merantau - suatu bentuk migrasi seperti berjalai di Serawak - yang dikatakan penting dalam kehidupan sosial komuniti Minang semestinya difahami kedudukannya dalam konteks sejarah dan ekonomi politik di atas. Melalui proses dan kegiatan merantau inilah terasasnya AP di ...

Apabila ahli dan ahli sains sosial yang mengkaji fenomena merantau mengatakan bahawa bentuk awalnya telah digerakkan oleh faktor ekonomi dengan berdasarkan struktur sistem matrilineal. Merantau berlaku untuk memenuhi keperluan berdagang dan untuk pertanian, yakni guna membuka perkampungan baru disebabkan tekanan kependudukan serta berkurangnya tanah di wilayah Minangkabau dalam kurun-kurun ke 14 dan 15. Maknanya kegiatan merantau bermula dengan aktif ketika kerajaan Minangkabau masih dalam kemilangannya lagi.

Aturcara [aturcara kaedah] para 'perantau' Minangkabau berkenaan adalah seperti berikut. (Kegiatan dilakukan oleh sesuatu suku berasal daripada perkampungan di Minang dengan diketuai oleh ketua suku.) Tujuannya ialah untuk menetap di sesebuah kawasan pilihan di luar Minang. Yang terlibat dalam proses ini rata-rata kaum lelaki sahaja. Hubungan antara perkampungan baru dengan yang lama senantiasa wujud dan dilanjutkan seboleh mungkin. Oleh kerana perkampungan baru itu tidak sepenuhnya mencerminkan keadaan di perkampungan lama di Minangkabau maka ia tetap dianggap sebagai *subordinate* kepada segala yang di perkampungan lama. Dalam kata lain, secara relatif perkampungan baru tadi menikmati otonomi yang terbatas.

Dalam meneroka dan mengasaskan perkampungan baru itu para 'perantau' menghadapi pelbagai masalah terutamanya dalam bentuk penentangan daripada anak watan setempat. Kalau tidak ada penentangan, pihak 'perantau' masih merasakan perlu untuk menjalin hubungan berbaik-baik dengan anak watan. Maka *modus vivendi* [aturcara tolak ansur] yang dilaksanakan terdapat dalam berbagai bentuk: sama ada secara asimilasi melalui perkahwinan dengan gadis tempatan, secara akomodasi melalui penerimaan serta pengakuan hak anak watan, secara memohon restu daripada golongan diraja yang berkuasa di wilayah berkenaan, dan sebagainya. Barulah kemudiannya para 'perantau'

tadi membuka tanah baru, memulakan kegiatan bertani dan membina base perniagaan mereka. Oleh kerana latar belakang budaya dan pengalaman yang lebih 'maju' jika dibandingkan dengan anak watan [rata-rata terdiri daripada komuniti Orang Asli] maka golongan 'perantau' tadi berkemampuan melaksanakan tradisi mereka di tempat baru itu, sama ada secara halus atau paksaan. Dengan cara inilah sistem matrilineal berasal daripada Minangkabau itu diasaskan sebagai tradisi dominan di perkampungan baru berkenaan.

Maka keseluruhan proses merantau ini mengandungi beberapa tahap yang selalunya berjalan serentak. Ia bermula dengan kompromi politiko-budaya, diikuti dengan proses *land colonization* dan kegiatan ekonomi yang sehubungan, dan akhirnya dengan mengasaskan sistem matrilineal dan tradisi yang berkait dengannya. Dalam lain perkataan, merantau merupakan suatu proses ekonomi, sosial dan politik serentak. Maka disarankan di sini bahawa merantau merupakan satu bentuk kolonialisme tempatan yang lahir daripada keadaan sejarah dan perkembangan kebendaan khusus di Sumatra Barat sebelum kurun ke 17.

Proses empiri bagaimana keseluruhan proses ini berlaku di NS dan akhirnya mengasaskan AP telah dihuraikan secara terperinci oleh sejarawan dan ahli sains sosial yang meneliti sejarah NS [sila lihat tulisan-tulisan Josslin de Jong, Gullick, Khoo Kay Kim, Parr dan Mackray, Norhalim Hj. Ibrahim dan beberapa yang lain]. Daripada huraian mereka dapat dirumuskan bahawa AP telah diasaskan di NS sebagai suatu bentuk ideologi untuk melengkapi proses merantau para 'perantau' yang berasal daripada Minangkabau. Dengan falsafah dan peraturannya yang rumit AP telah akhirnya menjadi prinsip organisasi soisal penting di NS. Dengan pengamalan AP di NS implikasinya dari segi politik dan budaya amat besar. Dari segi struktural NS menjadi cultural subordinate dan pergantungannya kepada Minangkabau dari segi politik bertambah kuat, walaupun dari segi ekonomi kedudukannya tidak jelas [bukan kerana tiadanya pergantungan ekonomi tetapi lebih kerana ketiadaan data pasti setakat ini untuk menjelaskan kedudukan sebenarnya ketika itu].

Dependencia berbentuk budaya dan politik ini terbukti jelas apabila NS terpaksa mengimpot pembesar-pembesar daripada Minangkabau untuk dijadikan tuan atau raja. Golongan ini mengamalkan sistem patrilineal di NS dan tidak matrilineal, sedangkan di Minangkabau sendiri sistem patrilineal dan golongan raja telah terpinggir. Ini boleh dianggap sebagai satu simbol hegemoni dan dominasi budaya dan politik Minangkabau di NS. Namun susunan dan struktur keseluruhan masyarakat NS tidak menyerupai yang terdapat di Minangkabau. Tetapi dari segi pucuk pimpinan di NS golongan 'perantau' tadi tetap menjadi tokoh penting tempatan terutamanya sebagai pakar rujuk dalam bidang adat dan hal-hal yang sehubungan dengannya. Ringkasnya mereka menjadi cultural gatekeepers, seperti kasta Brahmin di India menjadi ketua politiko-agama yang menentukan pentafsiran adat istiadat dan pengamalan tradisi Hinduisme yang 'betul' dan 'ideal'. Rata-rata anak watan tempatan yang sebahagian besarnya terdiri daripada komuniti Orang Asli dan tradisinya tersisih.

Keadaan ini berlanjutan sehingga selepas kurun ke 17 lepas mana pedagang Eropah telah mula membanjiri Nusantara. Menularnya pengaruh mercantilism yang berfungsi untuk perkembangan industrial capitalism di Eropah berlaku setelah kedatangan pedagang Eropah berkenaan. Huraian lanjut mengenai proses ini telah dikemukakan oleh sejarawan tempatan dan Eropah sendiri. Pun kesannya terhadap perubahan dalam penyusunan kelas sosial tempatan telah diperkatakan oleh sarjana tersebut. Dalam konteks inilah golongan 'perantau' yang merupakan golongan elit di NS telah berkerjasama dengan saudagar Barat dan Asia lalu mengukuhkan kedudukan ekonomi sekaligus kedudukan politik mereka.

Apabila berlakunya Perang Padri pada akhir tahun-tahun 1830an di Minangkabau, pimpinan NS telah mampu berdikari dari segi ekonomi dan politik tanpa diganggu-gugat kewibawaan mereka oleh krisis di wilayah induknya itu. Hubungan politik mungkin terputus sementara namun hubungan budaya tetap ada, yakni dari segi adat yang berasal daripada wilayah induk itu sudahpun menghayati kehidupan rakyat di NS. Tradisi adat serta amalannya semakin berkembang dalam suatu bentuk yang mencerminkan keadaan lokal, dengan ciri-cirinya yang tersendiri sesuai dengan keadaan khusus di NS yang mencorakkannya. Yang Minangkabau cuma falsafahnya. Selainnya sudah berbentuk NS. Ada pihak yang menghujahkan bahawa model budaya yang terbentuk di NS itu sebagai vulgar Minangkabauism. Ungkapan ini tidak tepat untuk menghuraikan model berkenaan. Lebih cocok kalau kita anggap model budaya di NS itu sebagai suatu variasi tempatan Minangkabauisme seperti wujudnya variasi Minangkabauisme di tempat-tempat lain.

Semenjak awal kurun ke 19, dari segi ekonomi, golongan elit NS bergantung hidup diatas cukai yang mereka kenakan kepada perdagangan tempatan, sama ada yang dijalankan oleh orang Eropah, orang China atau lain-lain kumpulan. Maka kedudukan politik serta legitimasi kuasa mereka bertumpu kepada sumber ekonomi ini. Ada juga diantara mereka yang terlibat sebagai partner dalam usaha-sama melombong [bijih timah dan emas] dengan pengusaha China. Terdapat juga mereka yang menjadi pembekal makanan kepada pekerja dan pengusaha tempatan berkenaan.

Pada peringkat kampung terdapat dua kategori kegiatan. Pertama, berniaga secara kecil-kecilan atau petty commodity trading dan, kedua, bertani saradiri atau subsistence farming, khususnya bersawah padi. Kedua-dua kegiatan ini serentak memenuhi keperluan asas penduduk tempatan di sektor tani dan keperluan makanan serta barangan sektor perdagangan. Ringkasnya, sektor tani dan dagang tidak terpisah seperti anggapan ramai ahli sains sosial yang meneliti ekonomi NS ketika itu. Di sebaliknya wujud ikatan simbiotik di antara kedua-dua sektor tersebut yang berlandaskan mercantilism. Namun di antara kedua-dua sektor berkenaan sektor tani merupakan yang lebih mundur dan kemundurannya itu seolah-olah diinginkan serta dilanjutkan oleh gerakuasa mercantilism semasa.

Di kalangan kaum tani dalam sektor mundur itu pergantungan langsung kepada tanah amat jelas. Dengan itu AP bukan saja menjadi suatu ideologi kepada sektor ini bahkan juga menjadi prinsip organisasi sosial dan ekonomi yang genting untuk survival mereka. Melalui AP pembahagian tenaga buruh, pemindahan dan pengagihan harta dilakukan. Pada paras sosial segala ritual budaya, proses memilih pimpinan, penyelesaian konflik dan asas kerjasama dilandaskan kepada AP. Maknanya AP menghayati serba serbi dalam hidup mereka.

Di kalangan golongan elit pula, AP cuma berfungsi sebagai memenuhi kepentingan ideologikal mereka, yakni mengukuhkan kedudukan sosial serta politik sebagai simbol tertinggi adat. Mereka mengamalkan AP sekadar memenuhi fungsi keketuaan tidak sebagai prinsip mengorganisasi arena ekonomi kerana mereka tidak bergantung secara langsung kepada tanah dan menjalankan kegiatan yang sehubungan dengannya.

Keadaan ini menggambarkan kepada kita bahawa AP dari segi peranan dan fungsinya berbeza kepada kelas sosial yang berbeda di NS. Perkembangan sedemikian berhubung rapat dengan perubahan keadaan kebendaan serta sejarah ketika itu. Suasannya bertambah kompleks apabila bertapaknya kolonialisme di suku akhir abad ke 19, malah perubahan-perubahan besar telah berlaku dari segi ekonomi politik langsung menjejaskan kedudukan serta peranan AP itu sendiri.

ERA KOLONIAL

Dengan terasasnya kolonialisme di Semenanjung Tanah Melayu berbagai perubahan ekonomi dan politik telah berlaku. [Sila lihat tulisan-tulisan penting oleh sejarawan tempatan seperti Khoo Kay Kim, Lim Teck Ghee dan beberapa yang lain untuk perincian mengenai kesan polisi British terhadap kaum tani Melayu di desa].

Di NS, dari segi politik dan ekonomi segala kuasa penting golongan elit tempatan telah diambilalih oleh penjajah British. Mereka semuanya makan gaji atau menerima elaun saja daripada penjajah sebagai ganti pendapatan daripada cukai yang pengutipannya kini telah diambilalih. Walau bagaimanapun mereka tidak disekat daripada melibatkan diri dalam sebarang kegiatan ekonomi usaha sama dengan usahawan bukan Melayu tempatan atau Eropah. Sumber kuasa dan wibawa mereka ertinya sudah diambilalih sebahagian besarnya.

Dari segi politik effective power merekapun telah disempitkan kepada soal-soal agama dan adat. Pun dalam mengendalikan halehwal agama sudah tidak ditangan mereka lagi tetapi di tangan birokrat agama lantikan penjajah. Apa yang tinggal pada mereka ialah peranan sebagai specialist adat yang dalam banyak ketikanya pula terikat pada kemahuan penjajah dalam pelaksanaan tugas berkenaan. Ini berhubung langsung dengan tindakan British untuk mengkanunkan atau codified adat atas nama bureaucratic efficiency. Maka sebahagian besar adat telah dikanunkan sebagai customary laws.

Dalam ketika yang sama pegawai tadbir British yang bertugas di NS dalam proses bertugas telah menulis sejarah, falsafah dan amalan adat berasaskan penyelidikan dan pengalaman bekerja mereka di setiap daerah di NS. Bahan ini kemudian telah pula menjadi rujukan asas oleh kebanyakan ketua adat dalam menyelesaikan sebarang konflik adat, misalnya. Sehingga hari ini masih terdapat ketua adat yang merujuk kepada tulisan Parr dan Mackray, misalnya, untuk mem-bereskan kebuntuan adat.

Maka boleh dirumuskan bahawa dalam era kolonial golongan elit di NS masih mengekalkan kedudukannya tetapi telah disesuaikan dengan keperluan kolonial. Dari segi teori peranan mereka sebagai the custodian of adat tetap dipertahankan oleh undang-undang namun dari segi praktiknya campurtangan British tidak dapat dielakkan.

Di kalangan kaum tani lain pula keadaannya. Perubahan ekonomi politik semasa telah terus memerangkap mereka dalam sektor mundur, biarpun mereka telahpun bergiat dalam menanam getah dan lain-lain tanaman wang atau lebih aktif dalam pengeluaran komoditi kecilan [petty commodity production]. Pelbagai undang-undang dan polisi yang dimaktubkan yang melibatkan tanah tani telah menyekat kemajuan mereka dan di sebaliknya mengembangkan sektor perladangan swasta di desa. Namun mereka tetap digalakkan untuk berusaha mengeluarkan hasil tanaman yang bercorak bahan makanan demi keperluan sekor ladang tadi. Perlahan-lahan tetapi pasti prinsip organisasi dan ekonomi golongan ini berubah daripada yang berasaskan AP kepada logik kapitalisme. Kalaupun AP masih digunakan untuk ritual sosial dan dalam halehwal ekonomi, dalam kata akhirnya pengamalan aspek-aspek adat tersebut adalah untuk memenuhi kepentingan kebendaan serta logik kapitalisme, dari segi teorinya, dan dari segi praktiknya untuk kepentingan para penjajah.

Berasaskan logik kapitalisme yang sama, daripada kalangan kaum tani tadi muncul suatu kelas baru dalam komuniti Melayu, yakni kelas makan gaji atau the salariat class. [Ada pihak yang mengungkapkannya sebagai the emerging rural middle class]. Wujudnya kelas ini berkait langsung dan bagi memenuhi kepentingan ekonomi dan politik penjajahan semasa itu. Di samping mengimpor tenaga kerja daripada luar negeri, anak pribumi juga direkrut sebagai pegawai rendah dalam sistem birokrasi British. Ada yang bertugas sebagai pegawai rendah di jabatan-jabatan kerajaan, sebagai anggota pasukan keselamatan [tentara dan polis], sebagai guru sekolah vernakular, dan berbagai jawatan rendah yang lain. Sebilangan kecil bekerja dengan pihak swasta, pun sebagai pekerja separuh mahir atau tidak mahir. Kewujudan kelas ini mempunyai implikasi besar bukan sahaja terhadap ekonomi desa tetapi dalam arena sosial pun. Le

Secara objektif kemampuan ekonomi kelas salariat ini lebih stabil dan tinggi daripada kelas kaum tani. Status mereka dalam konteks sosial pun sama tingginya, kalau tidak lebih. [Sila lihat kajian-kajian M.G.Swift, Diane Lewis dan beberapa yang lain tentang susunlapis masyarakat desa di NS]. Sebahagian besar daripada anggota kelas ini bertugas di luar NS dan kebanyakannya lelaki. Dari segi ekonomi kelas ini lebih mampu untuk mengumpulkan harta, terutamanya dalam bentuk tanah, jika dibandingkan dengan kelas tani. Kedudukan ekonomi mereka yang kian dominan itu dilengkapi pula oleh status sosial yang juga bertambah menonjol. Oleh kerana mereka berpelajaran dan berpengetahuan tentang seluk beluk jentera pentadbiran mereka amat diperlukan oleh kelas kaum tani untuk menjadi pentafsir, penterjemah dan pembantu mereka bagi menghayati pelbagai polisi dan peraturan berhubung dengan bermacam hal seharian dan seribu satu macam lagi kerenah birokrasi kolonial.

Dalam konteks pengamalan AP kemunculan kelas salariat ini memang banyak. Memadai untuk kita sebutkan di sini beberapa yang menonjol. Perlahan-lahan anggota daripada kelas salariat telah mengambil alih pucuk pimpinan dalam adat, terutamanya mereka yang sudah pencen atau yang sedang bertugas tetapi menetap di kampung asal. Dengan latar belakang pelajaran yang agak tinggi serta pengalaman yang lebih matang tentang proses birokrasi menjadikan mereka pilihan otomatis sebagai ketua adat oleh para pengamal adat terbanyak. Namun perubahan ini kecil jika dibandingkan dengan perubahan lain yang berlaku terhadap perjalanan struktur kekeluargaan matrilineal di NS secara keseluruhannya, dan kedudukan wanita dalam adat khususnya. Kesan nya

Dalam era kolonial kedudukan wanita seolah-olah ditonjolkan lalu memberikan gambaran bahawa AP mementingkan peranan wanita dan memperjuangkan hak wanita. Ini berkait dengan termaktubnya undang-undang khusus yang menjamin hak milik wanita terhadap tanah di NS pada era kolonial. Gambaran yang sedemikian semakin real kerana kebanyakan tanah tani di desa NS dikerjakan sebahagian besarnya oleh wanita. Begitu juga dalam konteks domestik di mana wanita di NS terutamanya golongan yang sudah berumur menjaditulang belakang keluarga luas dari segi pemeliharaan generasi muda. Fenomena ini berkait rapat dengan proses migrasi desa-bandar yang kian meningkat akibat kemunculan golongan salariat dari kalangan komuniti tani yang sebahagian besarnya bertugas di luar kampung asal. Ada setengah sarjana mengungkapkan fenomena ini sebagai merantau yang secocok dengan tradisi asal AP seperti mana yang diamalkan di Minangkabau. Label ini boleh boleh dipertikaikan dari segi konseptual dan struktural.

Apa yang sebenarnya berlaku dalam konteks tersebut melibatkan dua proses yang berjalan serentak. Pertama proses migrasi keluar sebahagian besar golongan lelaki muda yang berpontensi sebagai buruh tani kerana peluang pekerjaan yang lebih mudah di tempat lain yang menjanjikan pendapatan yang lumayan. Berbekal pelajaran yang ada dan badan yang sehat serta keinginan pencapaian yang tinggi darjahnya maka proses migrasi telah berlaku dengan aktif. Dengan berperginya golongan yang penting dari segi tenaga kerja dari desa, maka tugas mengerjakan tanah tani telah dibeban oleh golongan wanita, tua dan muda. Tenaga wanita, sebagai tenaga buruh rezab (reserve labour), dalam konteks perkembangan ekonomi kolonial amat penting kerana hasil pengeluaran daripada sektor mundur tani yang bercorak saradiri terutamanya berbentuk bahan makanan amat diperlukan oleh sektor ladang swasta di desa juga sektor perusahaan di lombong dan sektor awam. Maka proses kedua, yakni proses pengeluaran bahan makanan dari sektor mundur saradiri, yang bergantung kini kepada titikpeluh golongan wanita adat juga berlaku di desa. Jalinan dua proses yang saling bergantung ini menonjolkan kedudukan wanita adat, dan ini dianggap dari segi ideologikal sebagai pengukuhan kedudukan wanita dalam AP. Ini tidak bererti kita menafikan sumbangan wanita yang terlibat, namun proses ini bukan saja berlaku kepada wanita adat, juga berlaku kepada golongan wanita keseluruhannya di Semenanjung Tanah Melayu ketika itu kerana di mana jua tenaga buruh wanita berfungsi sebagai tenaga kerja rezab.

Bagitu jugalah kesan kedua-dua proses ini terhadap struktur keluarga luas matrilineal di NS dan bukan matrilineal di luar NS. Kalau dulu sesebuah keluarga luas itu berkumpul di bawah suatu bumbong atau berkelompok dalam beberapa buah rumah di satu kawasan perkampungan, kini ada beberapa keluarga asas daripada keluarga luas berkenaan sudah berjauhan. Maksudnya berhijrah ke tempat kerja di merata tanah air. Kerap kali tugas membesarkan generasi muda pun dipikul oleh wanita, terutamanya dari mereka yang sudah berumur, dalam keluarga luas masing-masing. Maka banyak bilangan keluarga luas di kampung yang memperoleh bekalan wang tunai daripada kiriman wang keluarga asas yang bekerja di luar di samping mengerjakan tanah tani keluarga luas berkenaan. Dengan cara inilah pertalian kekeluargaan dalam keluarga luas itu dilanjutkan.

Implikasi kesemua proses ini terhadap amalan tradisi AP paling dirasakan dari segi ritual sosialnya: nikah-kawin dan dalam pelbagai bentuk kenduri kendara, pemilihan ketua suku dan sebagainya. Peranan AP sebagai prinsip organisasi ekonomi tidak sekental dalam era pra-kolonial kerana proses-proses tadi dan juga kerana beberapa peraturan serta undang-undang yang diperkenalkan oleh pemerintah kolonial.

Dari segi kepakaran dalam segi adat, seperti juga di era pra-kolonial, ianya hanya dibolot oleh segolongan kecil yang menjadi ketua. Oleh yang demikian adalah tidak tepat untuk menilai luntur atau kurangnya amalan adat berdasarkan fakta ini. Dalam mana zamanpun dan bagi apa saja tradisi di dunia, besar dan kecil, kemahiran dan kepakaran mengenai falsafah dan peraturan adat hanya dimiliki oleh suatu kumpulan terpilih lagi elitis dalam komuniti yang mengamalkan tradisi berkenaan. Tetapi dalam konteks perbincangan kita yang lebih utama ialah fakta perbezaan fungsi, peranan dan amalan adat itu mengikut kelas sosial. Ini jelas terbukti dalam huraian kita sebelum ini. Kaitan keadaan ini dengan sejarah dan perkembangan ekonomi politik di era kolonial tidak dapat kita nafikan, malah semestinya kita fahami dalam konteks tersebut.

BEBERAPA RUMUSAN

Seperti yang dinyatakan di awal kertaskerja ini bukan tujuannya untuk memberi perincian sejarah atau mengemukakan suatu analisis yang mendalam. Tulisan ini sekadar mengajak kita berjalan melalui waktu dari era pra-kolonial ke kolonial sambil melihat kedudukan, peranan dan fungsi AP, dari segi prinsip dan amalannya yang berubah-ubah mengikut alunan riak dan gelombang sejarah dan ekonomi politik. Melalui ini diharapkan sesuatu yang baru muncul guna memahami serba sedikit AP dalam konteks berkenaan. Satu lagi tujuan penting yang tersulam di sepanjang huraian ini ialah untuk menawarkan suatu kerangka konseptual bagi melihat perkembangan AP yang agak berbeza daripada apa yang telah disogokkan selama ini oleh ahli sains sosial yang meneliti mengenainya, yakni pendekatan struktural-fungsional [structural-functional]. Kerangka konseptual ini dipanggil pendekatan ekonomi politik yang mementingkan analisis bercorak struktural-historis. Sehubungan dengan itu kertaskerja ini telah cuba menghuraikan mengenai AP pada dua paras serentak.

Pertama, pada paras teoritis ditekankan bahawa AP merupakan suatu ideologi sekaligus suatu prinsip organisasi sosial serta ekonomi. Oleh yang demikian ianya tidak beroperasi dalam suatu hampawa sosial atau social vacuum. Dibuktikan serta dihuraikan betapa keadaan sejarah dan ekonomi politik khusus telah mencorakkan perkembangan AP. Dalam nafas yang sama usaha telah ditumpukan ke arah meneliti semula beberapa konsep, peristiwa sejarah dan kesan-kesannya terhadap pengasas dan pengamal AP.

Kedua, pada paras empiris berulang kali ditekankan bahawa proses pengamalan AP itu sendiri berbeza mengikut kelas sosial yang berbeza. Ringkasnya, kertaskerja ini mengutamakan fakta sosial bahawa sesebuah komuniti itu tidak homogeneous dan semestinya bersusunlapis. Setiap stratum itu, walaupun merupakan sebahagian daripada suatu keseluruhan struktural, tetap mempunyai ciri-ciri tersendiri yang mendukung dan mengasaskannya sebagai suatu stratum. Bagitulah realiti masyarakat di NS yang mengamalkan AP, juga masyarakat lain yang mengamalkan apa saja tradisi yang serupa atau berbeza dengan AP. Tetapi selama ini kita telah disogokkan dengan huraian mengenai AP yang dilandaskan kepada andaian bahawa masyarakat di NS itu homogenous. Ini telah dilakukan secara sedar dan tak disedari oleh pengkaji-pengkaji berkenaan. Lalu menghasilkan huraian mengenai AP berbentuk simplistik dan simple-minded sedangkan isu yang dianalisa amat kompleks lagi rumit. Secara tak langsung kandungan kertaskerja ini menyarankan tentang perlunya suatu kerangka konseptual yang lebih rigorous digunakan sebagai kaedah kajian dalam mendekati AP dan hal-hal yang berkait dengannya. ke

Sebagai penutup ingin ditegaskan bahawa perlu kajian yang mendalam menggunakan kerangka konseptual dan kaedah yang disarankan untuk melihat keadaan AP dalam era selepas kolonial, yakni selepas Merdeka hingga kini. Isu seperti kaitan parti politik dan adat masih belum diteroka oleh sesiapa pun setakat ini dan selanjutnya isu-isu lain, yang menarik atau tidak menarik.

BEBERAPA RUJUKAN

- Azizi Khamis. 1936. "Adat Kuala Pilah." JMBRAS, XIV,3.
- Benda-Beckmann, F. 1979. Property in Social Continuity: Continuity and Change in the Maintenance of Property Relationships through Time in Minangkabau, West Sumatra. The Hague: Martin Nijhoff.
- Caldecott, A. 1912. Jejebu: Its History and Constitution, PMS.
- Dasgupta, Arun K. 1962. "Acheh in Indonesian Trade and Politics, 1600-1641." Disertasi Ph.D., Cornell University.
- Datoek Batoeh Sango. c.1966. Tambo Alam Minangkabau. Edisi Kelima. Pajakumbuh: Limbago.
- de Moubray, G.A. 1931. Matriarchy in the Malay Peninsula and Neighbouring Countries. London: G.Routledge.
- Dobbins, Christine. 1975. "The Exercise of Authority in Minangkabau in the late 18th Century", dalam A.Reid & L. Castles (eds.), Pre-Colonial State Systems in Southeast Asia. Kuala Lumpur: MBRAS, Monogeraf No.6.
- _____, 1977. "Economic Change in Minangkabau in the Rise of Padri Movement, 1784--1830." Indonesia, no.23 (April).
- Hindess, B. & Hirst, P. 1975. Pre-capitalist Modes of Production. London: Routledge.
- Josslin de Jong, P.E. 1951. Minangkabau and Negeri Sembilan. Leiden: Breill.
- Gullick, J.M. 1951. "The Negeri Sembilan Economy of the 1890's." JMBRAS, XXII,38.
- _____, 1958. The Indigenous Political Systems of Western Malaya. London: Athlone.
- Kahar Bador. 1960. "Adat Perpatih di Tanah Mengandung". Tesis BA, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Singapura.
- Kahn, Joel. 1976. " 'Tradition', Matriliney and Change among the Minangkabau of Indonesia." Bijdragen, no,132.
- _____, 1980. Minangkabau Social Formations: Cambridge: Cambridge University Press.
- Kathirithamby-Wells, J. 1969. "Achenese Control over Sumatra up to the Treaty of Painan, 1663." Journal of Southeast Asian History, 10.
- _____, 1976. "The Inderapura Sultanate: The Foundation of Its Rise and Decline, from the Sixteenth to the Eighteenth Centuries." Indonesia, no. 21 (April).
- Kato, T. 1982. Matriliney and Migration: Evolving Minangkabau Traditions in Indonesia. Ithaca and London: Cornell University Press.
- Khoo Kay Kim, 1975. The Western Malay States, 1850-1873 : The Effects of Commercial Development on Malay Politics. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Lewis, Diane. 1962. "The Minangkabau Malays in Negeri Sembilan". Disertasi Ph.D., Cornell University.
- Li Dun Jen, 1982. British Malaya: An Economic Analysis. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: INSAN.
- Lim Teck Ghee, 1977. Peasants and Their Agricultural Economy in Colonial Malaya, 1874-1941. Kuala Lumpur: Oxford Univeristy Press.
- Mochtar Naim, 1973. "Merantau: Minangkabau Voluntary Migration". Tesis Ph.D. University of Singapore.
- Marsden, William. 1830. Memoirs of a Malayan Family. London: Oriental Translation Fund.
- _____, 1966. The History of Sumatra. London: Oxford University Press. (edisi asal diterbitkan pada 1783).

- Mansor, M.D., et.al. 170. Sedjarah Minangkabau. Djakarta:Bhrata.
- Meilink-Roelofs, M.A.P. 1962. Asian Trade and European Influence: In the Indonesian Archipelago between 1500 and about 1630. The Hague: Martinus Nijhoff.
- Norhalim Ibrahim.1977. "Social Change in Rembau". JMBRAS, 50(2).
- _____,1983. "Negeri Sembilan: Adat Perpatih or Adat Temenggong". Ilmu Masyarakat, 1 (Januari-Mac).
- Parr, C.W.C. dan Mackray, W.H. 1910."Rembau:One of the Nine States." JSBRAS, 56.
- Salim, A. 1958."The Impact of Adat Perpatih on Land Ownership". Tesis BA. Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Singapura.
- Shepperd, M. 1965. A Short History of Negeri Sembilan. Singapura: Eastern Universities Press.
- Schrieke, B. 1955. Indonesian Sociological Studies, I. The Hague: W. van Hoeve.
- _____,Tevens, Maila. 1978. "Women and their land: Changing property relations among rural Malays in Negeri Sembilan". Kertaskerja di "Conference on the Continuing Subordination of Women and the Development Process", Institute of Development Studies, University of Sussex.
- _____, 1981. "Women, Kinship and Capitalist Development" dalam K.Young, C.Wolkowitz & R.McCullagh, Of Marriage and the Market. London: CSE.
- Swift, M.G. 1965. Malay Peasant Society in Jelebu. London: Athlone
- Wilkinson, R.J. Sri Menanti, PMS, Kuala Lumpur.
- Wolters, O.W. 1967. Early Indonesian Commerce. Ithaca: Cornell University Press.
- _____,1970. The Fall of Srivijaya in Malay History. Ithaca: Cornell University Press.
- Umar Junus. 1964. "Some Remarks on Minangkabau Social Structure". Bijdragen, no. 120.